

'Salah pilih pemimpin bawa bencana'

BH - 23/11/2019 mlr: 2

Kuasa perlu
diguna secara
baik demi
kebaikan rakyat,
masyarakat:
Dr Mahathir

Oleh Junita Mat Rasid
dan Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Bangi: Kewujudan sekolah kepemimpinan seperti Future Leaders School (MFLS) amat penting pada masa ini bagi melahirkan pemimpin masa depan yang memiliki sifat dan akhlak baik, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, penerapan nilai murni dalam kalangan bakal pemimpin negara penting bagi melahirkan kumpulan anak muda yang mampu membawa kebaikan kepada negara.

Katanya, kuasa yang dipegang oleh pemimpin boleh disalah guna yang akhirnya akan membawa keburukan dan malapetaka kepada masyarakat.

"Setiap pemimpin mempunyai kuasa, kuasa ke atas mereka yang dipimpin olehnya. Kuasa itu hendaklah digunakan dengan cara yang baik.

"Kita perlu menumpukan usaha melahirkan kepemimpinan kerana ia memberi kesan besar. Jika tersilap pilih pemimpin yang tiada sikap baik maka ia akan menyebabkan masalah kepada masyarakat.

"Jangan pilih pemimpin yang membawa malapetaka kepada negara. Jika silap pilih, masyarakat akan hadapi masalah dan mung-



Dr Mahathir dan Syed Saddiq bersama alumni pada Konvensyen Alumni MFLS, di UKM, Bangi.

(Foto Eizairi Shamsudin /BH)

kin runtuh sama sekali," katanya dalam ucapan Konvensyen Alumni MFLS, di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman.

Dr Mahathir berkata, negara perlu menumpukan untuk melahirkan pemimpin masa depan yang baik kerana ia memberi kesan kepada masa depan masyarakat.

Kuasa yang dipegang oleh pemimpin boleh disalah guna yang akhirnya akan membawa keburukan kepada masyarakat.

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

Katanya, pemimpin berperanan membangunkan negara tetapi jika pemimpin yang buruk dan terpengaruh dengan nafsu, ia akan merosakkan masyarakat.

"Kalau ilmu disalah guna, maka ia akan beri kesan buruk. Kalau ilmu digunakan untuk kebaikan, ia akan beri kesan baik," katanya.

Menjadikan Peter The Great sebagai contoh, Dr Mahathir berkata pemimpin Russia itu berjaya

memajukan negaranya yang jauh terkebelakang berbanding negara Eropah lain ketika itu.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata negara perlu melatih rakyat supaya mempunyai bakat seperti pemimpin dengan nilai mulia yang dapat menyumbang kepada masyarakat.

"Untuk menjadi seorang pemimpin, kita kena mempunyai sifat tertentu. Kita terap nilai baik yang boleh membawa kejayaan," katanya.